

Bertarikh

haribulan

20

Antara



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD ((200401032872 (671380-H)]

Dan

[NAMA PIHAK]

JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI OLEH INDIVIDU

JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI INI dibuat pada tarikh dan tahun yang dinyatakan dalam Item 1 Jadual bersama-sama ini

ANTARA:

- (1) pihak-pihak yang diperihalkan dalam Item 2 Jadual di bawah (setiap satunya, seorang “**Penjamin**”), dan rujukan kepada seorang “**Penjamin**” bermaksud rujukan kepada mana-mana satu daripada Penjamin sebagai satu pihak;

DAN

- (2) CIMB ISLAMIC BANK BERHAD ((200401032872 (671380-H)] yang mempunyai pejabat berdaftarnya di Aras 13, Menara CIMB, Jalan Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur dan tempat perniagaan di alamat yang dinyatakan dalam Item 3 Jadual (“**Bank**”) sebagai pihak yang lain.

BAHAWASANYA

- (A) Atas permintaan Penjamin, Bank telah bersetuju untuk menyediakan suatu kemudahan pembiayaan dalam jumlah amaun yang dinyatakan dalam Item 4 Jadual (“**Kemudahan**”) untuk pihak yang dinyatakan dalam Item 5 Jadual (setiap satunya, seorang “**Pelanggan**”) mengikut terma dan/atau syarat yang terkandung dalam perjanjian kemudahan Murabahah (“**Perjanjian Kemudahan Murabahah**”) dan/atau surat tawaran (“**Surat Tawaran**”) yang bertarikh pada haribulan dan tahun yang dinyatakan dalam Item 6 Jadual.
- (B) Sebagai jaminan untuk pelaksanaan terma dan syarat Kemudahan di bawah Perjanjian Kemudahan Murabahah dan/atau Surat Tawaran oleh Pelanggan dengan sewajarnya, Penjamin bersetuju untuk memberikan Jaminan dan Tanggung Rugi ini secara bersesama dan berasingan kepada Bank.

Ia adalah dipersetujui:

1 TAKRIF DAN TAFSIRAN

1.1 Takrif

- (a) Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini akan, melainkan jika diperuntukkan secara nyata atau konteksnya memerlukan yang sebaliknya, mempunyai maksud yang sama seperti dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah, dan ungkapan berikut akan mempunyai maksud berikut:

Pelanggan	orang yang dinyatakan dalam Item 5 Jadual di bawah dan termasuk harta pusaka, pewaris, wakil diri dia/mereka dan/atau pengganti hak milik dan pemegang serah haknya yang dibenarkan, mengikut mana yang berkenaan;
------------------	--

Peristiwa Ingkar	sebarang kejadian seperti yang dinyatakan dalam Klausus 11 Perjanjian Kemudahan Murabahah;
-------------------------	--

Keberhutangan	agregat bayaran yang genap masa dan kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank menurut Dokumen Transaksi dan mana-mana perkara berikut:
	<ul style="list-style-type: none"> (i) semua bayaran yang genap masa dan kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank apabila berlakunya mana-mana Peristiwa Ingkar; atau (ii) semua bayaran yang genap masa dan kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank apabila penyelesaian awal Kemudahan dibuat atau apabila tamatnya Tempoh, mengikut mana yang berkenaan,
	dan semua atau mana-mana wang, obligasi dan liabiliti sama ada untuk wang pokok, keuntungan, komisen, perbelanjaan, ta'widh (pampasan) atau selainnya yang mungkin kena dibayar, ter hutang atau ditanggung oleh Pelanggan dan/atau Pihak Pemberi Cagaran lain kepada Bank pada masa ini atau pada bila-bila masa akan datang;
Dokumen Cagaran	dokumen cagaran yang diwujudkan atas nama Bank sebagai jaminan bagi Kemudahan sebagaimana yang dinyatakan dan dikehendaki dalam Surat Tawaran;
Dokumen Transaksi	secara kolektif, dokumen berikut:
	<ul style="list-style-type: none"> (a) dokumen yang membuktikan Transaksi Dagangan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausus 1.1 Perjanjian Kemudahan Murabahah); (b) Dokumen Cagaran; dan (c) dokumen lain yang ditetapkan sedemikian oleh Bank.
Pihak Pemberi Cagaran	Pelanggan, Penjamin dan mana-mana pihak lain dari semasa ke semasa yang dikehendaki oleh Bank untuk (i) memberikan cagaran kepada Bank bagi obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan, dan (ii) melaksanakan Dokumen Cagaran.

1.2 Tafsiran

Dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini (melainkan konteksnya menghendaki yang lain):

- (a) perkataan yang terpakai kepada orang sebenar termasuk mana-mana badan, orang, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, entiti korporat, negeri, pentadbiran dan/atau kerajaan dan begitu juga sebaliknya;

- (b) rujukan kepada jantina maskulin termasuk jantina feminin dan entiti yang tidak memiliki unsur maskulin atau feminin, dan begitu juga sebaliknya;
- (c) rujukan kepada bilangan tunggal termasuk bilangan majmuk, dan begitu juga sebaliknya;
- (d) apa-apa dan semua rujukan kepada peruntukan mana-mana undang-undang atau kepada mana-mana undang-undang adalah termasuk peruntukan atau undang-undang tersebut sebagaimana yang diubah suai atau digubal semula;
- (e) rujukan kepada Klausula dan Jadual, melainkan jika dinyatakan sebaliknya, hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada Klausula dan Jadual Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
- (f) tajuk-tajuk kepada mana-mana Klausula dimasukkan untuk rujukan mudah sahaja dan tidak boleh dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian penting Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
- (g) jika mana-mana perjanjian, waad, terma, syarat, dan/atau aku janji dinyatakan sebagai dibuat oleh atau bagi pihak dua atau lebih orang atau pihak, semua perjanjian, waad, terma, syarat dan/atau aku janji tersebut disifatkan sebagai telah dibuat oleh, dan mengikat, semua orang atau pihak tersebut secara bersama-sama dan berasingan;
- (h) jika dua atau lebih orang atau pihak termasuk dalam atau dirangkumi oleh mana-mana perjanjian, waad, terma dan/atau aku janji, maka perjanjian, waad, terma dan/atau aku janji tersebut akan boleh dikuatkuasakan oleh mereka secara bersama-sama dan berasingan;
- (i) rujukan kepada sesuatu dokumen termasuk (i) dokumen tersebut sebagaimana yang diubah dari semasa ke semasa dan (ii) mana-mana dokumen yang dikeluarkan atau dilaksanakan sebagai tambahan atau pengganti kepada atau untuknya dari semasa ke semasa;
- (j) perkataan “**wang**”, “**Ringgit Malaysia**” dan simbol “**RM**” akan ditafsirkan supaya bermaksud mata wang sah Malaysia buat masa itu; dan
- (k) Jadual kepada Jaminan dan Tanggung Rugi ini membentuk bahagian yang penting dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan mestilah dibaca dan ditafsirkan dengan sewajarnya.

MAKA JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI INI menyaksikan seperti berikut:

SEBAGAI BALASAN kepada Bank yang telah menyediakan atau sedang menyediakan Kemudahan atau sebarang kemudahan pembiayaan atau perbankan lain, atas permintaan Penjamin menurut Perjanjian Kemudahan Murabahah dan/atau Surat Tawaran, Penjamin bersetuju seperti berikut.

2 PEMBAYARAN APABILA DITUNTUT

2.1 Penjamin sebagai penghutang utama

Penjamin, secara tanpa syarat dan tidak boleh batal, menjamin sebagai penghutang utama, dan bukan hanya sebagai penjamin, untuk membayar dan memuaskan Bank apabila dituntut:

- (a) Keberhutangan;
- (b) fi, caj, ganti rugi dan perbelanjaan di bawah Keberhutangan. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) keuntungan, komisen, caj pembayaran lewat, ta'widh (pampasan) dan/atau sebarang caj bank lain yang boleh dikenakan ke atas Pelanggan oleh Bank dalam urusan perniagaannya yang biasa, pada kadar yang ditetapkan dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah dan/atau Surat Tawaran;
 - (ii) semua kos, caj, bayaran dan/atau fi guaman atas dasar tanggung rugi penuh yang mungkin ditanggung oleh Bank kerana menguatkuasakan atau mencuba untuk mendapatkan balik semua atau mana-mana bahagian daripada jumlah yang terhutang kepada Bank oleh Pelanggan berkenaan dengan Kemudahan dan memulihkan apa-apa keingkaran dalam pembayaran Kemudahan oleh Pelanggan atau pengganti hak milik Pelanggan; dan
 - (iii) semua caj dan bayaran lain dalam penyediaan, pengenaan duti setem atau pewujudan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan dalam penguatkuasaannya terhadap Penjamin;
- (c) semua wang lain yang diperoleh daripada, kemudahan yang diberikan oleh, atau liabiliti yang ditanggung oleh, Bank kepada Pelanggan walaupun:
 - (i) pembiayaan atau penanggungan liabiliti tersebut mungkin tidak sah atau melebihi kuasa (A) Pelanggan atau (B) mana-mana pengarah, wakil, ejen atau orang lain yang berupa sebagai memperoleh pembiayaan atau bertindak bagi pihak Pelanggan; dan
 - (ii) apa-apa luar aturan lain dalam pembiayaan tersebut atau dalam menanggung liabiliti sedemikian.

Liabiliti Penjamin tidak akan terhad kepada jumlah wang pokok yang ditetapkan dalam Perjanjian Kemudahan Murabahah dan/atau Surat Tawaran tetapi akan termasuk semua kemudahan tambahan dan/atau lanjutan yang diberikan kepada Pelanggan.

3 WAAD-WAAD PENJAMIN

Penjamin selanjutnya bersetuju, mengaku janji dan berwaad dengan Bank seperti berikut:

- (a) Liabiliti Utama

bahawa untuk menguatkuasakan peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini dengan sepenuhnya: -

 - (i) Penjamin mengetepikan semua hak yang tidak konsisten dengan peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan yang Penjamin mungkin sebaliknya berhak untuk menuntut dan menguatkuasakannya sebagai penjamin;
 - (ii) Penjamin tidak akan dilepaskan oleh apa-apa fakta, keadaan, tindakan atau peninggalan sama ada diketahui oleh Bank atau tidak, atau yang olehnya liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini akan dilepaskan jika Penjamin bukan merupakan penghutang utama;

- (iii) liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini akan wujud dan tidak akan dilepaskan, dikurangkan atau terjejas, sama ada atau tidak:
- (I) Bank berhak untuk membuat tuntutan, atau telah membuat tuntutan, terhadap Pelanggan dan/atau mana-mana penjamin atau pemberi cagaran lain; dan/atau
 - (II) Bank telah mengambil apa-apa cagaran lain pada masa ini, atau mungkin mengambilnya daripada Pelanggan atau mana-mana orang lain pada bila-bila masa hadapan atau dari semasa ke semasa untuk menjamin Keberhutangan, atau telah gagal untuk mengambil sebarang cagaran lain untuk menjamin Keberhutangan;
 - (III) Bank telah menguatkuasakan, atau gagal menguatkuasakan sebarang cagaran lain yang diambil untuk menjamin Keberhutangan;
 - (IV) Bank telah memfailkan bukti hutang jika Pelanggan telah diisyiharkan bankrap atau sedang berada dalam penyelesaian (yang mana berkenaan) dan dalam kes sedemikian, amaun penuh Keberhutangan hendaklah dibayar oleh Penjamin;
- (iv) semua jumlah yang perlu dibayar oleh Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini akan dibayar sepenuhnya tanpa tolak selesai, tuntutan balas, syarat atau pembatasan;
- (v) bahawa kebankrapan, penggulungan, insolvensi dan/atau penyelesaian, kematian, kehilangan akal, kehilangan upaya, kekurangan keupayaan, pelaksanaan salah Jaminan dan Tanggung Rugi ini atau penentuan liabiliti mana-mana satu Penjamin atau atas apa-apa sebab lain:
- (I) tidak akan mengakibatkan prejudis terhadap atau menjelaskan liabiliti orang lain yang menjadi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini; dan
 - (II) akan mengikat dan berkuat kuasa sehingga dilepaskan oleh pelaksanaan oleh orang lain yang menjadi Penjamin dan pembayaran Keberhutangan sepenuhnya;
- (b) bahawa Bank boleh:
- (i) memberikan atau enggan memberikan kemudahan perbankan dan/atau kemudahan kredit, pinjaman pendahuluan atau pembiayaan lain kepada Pelanggan, sama ada dengan atau tanpa notis kepada Penjamin;
 - (ii) memberikan apa-apa masa atau kelonggaran kepada Pelanggan, Penjamin atau mana-mana orang lain;
 - (iii) memperbaharui sebarang bil, nota, atau instrumen boleh niaga lain;
 - (iv) berurus dengan, menukar, melepaskan, mengubah suai atau tidak menyempurnakan atau menguatkuasakan sebarang cagaran atau jaminan atau hak yang mungkin dipunyai Bank pada masa ini atau pada bila-bila masa hadapan daripada atau terhadap Pelanggan atau mana-mana orang atau orang-orang lain; dan/atau

(v) mencapai persetujuan dengan Pelanggan, Penjamin dan/atau mana-mana orang lain.

(c) Pembukaan Akaun Baru

bahawa selepas wang yang dijamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini telah dituntut daripada Penjamin, Bank boleh membuka akaun yang baru atau berasingan untuk Penjamin dalam buku akaunnya. Walaupun Bank sebenarnya tidak membuka akaun baru atau berasingan tersebut, namun Bank akan disifatkan sebagai telah melakukannya pada masa itu. Selepas itu, semua pembayaran ke dalam akaun yang dibuat oleh Penjamin kepada Bank akan, (melainkan terdapat kaedah atau anggapan undang-undang atau ekuiti yang sebaliknya), dikreditkan atau disifatkan sebagai telah dikreditkan pada akaun baru atau berasingan tersebut (sama ada sebenarnya dibuka atau disifatkan sebagai telah dibuka), dengan syarat sentiasanya bahawa peruntukan Klausa ini tidak akan menjelaskan cagaran yang selainnya tersedia untuk pembayaran Keberhutangan;

(d) Perubahan

bahawa Bank boleh mengubah dan/atau meminda terma dan/atau syarat Jaminan dan Tanggung Rugi ini dengan memberikan notis bertulis kepada Penjamin sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu;

(e) Keterangan Muktamad

- (i) (A) apa-apa pengakuan atau perakuan secara bertulis oleh Pelanggan atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pelanggan, mengenai amaun yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank dan/atau (B) apa-apa penghakiman yang didapatkan oleh Bank terhadap Pelanggan berkenaan dengan amaun yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank akan mengikat dan bersifat muktamad ke atas dan terhadap Penjamin, dan
- (ii) bahawa suatu penyata bertulis daripada Bank tentang amaun yang kena dibayar dan terhutang oleh Pelanggan akan diterima oleh Penjamin sebagai keterangan muktamad bahawa amaun yang dinyatakan pada penyata bertulis tersebut kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank, dan kena dibayar kepada Bank oleh Penjamin apabila dituntut;

(f) Pelarasan

bahawa jika Bank telah menerima baki terakhir tersebut sepenuhnya, sebarang tuntutan oleh Penjamin untuk mana-mana lebihan atau apa-apa cagaran yang tinggal di tangan Bank akan menjadi suatu perkara pelarasan antara Bank, Penjamin dan mana-mana orang lain yang membuat tuntutan yang sama;

(g) Cagaran Balas

bahawa Penjamin tidak akan, kecuali dengan persetujuan Bank secara bertulis terlebih dahulu, mengambil (sama ada secara langsung atau tidak langsung) apa-apa cagaran balas sama ada melibatkan gadaian ke atas harta Pelanggan atau sebaliknya, yang melalui Penjamin mungkin, jika berlakunya kebankrapan atau insolvensi Pelanggan dan menjelaskan Bank, meningkatkan bukti Penjamin dalam insolvensi tersebut atau mengurangkan harta yang boleh diagihkan antara para pemutang Pelanggan. Sebarang cagaran balas tersebut

yang diambil oleh Penjamin dengan persetujuan Bank akan menjadi cagaran kepada Bank untuk memenuhi obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

(h) Lien dan Tolak Selesai

Penjamin juga secara nyata dan tidak boleh ditarik balik bersetuju bahawa apabila berlakunya Peristiwa Ingkar terhadap Kemudahan atau selepas tuntutan telah dibuat, Bank boleh pada bila-bila masa, dengan notis bertulis sekurang-kurangnya **7** hari terlebih dahulu kepada Penjamin, dan tanpa perlu sebelumnya:

- (i) mengambil tindakan terhadap sebarang cagaran atau jaminan lain bagi pembayaran Keberhutangan; atau
- (ii) mengambil apa-apa langkah atau prosiding terhadap Pelanggan,

mengeluarkan dan/atau menarik balik mana-mana atau semua akaun Penjamin dan/atau menggunakan, memindah atau menolak selesai wang dalam akaun tersebut (sama ada wang pokok atau keuntungan dan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya) untuk pembayaran atau penyelesaian semua atau sebahagian daripada Keberhutangan. Jika mana-mana akaun adalah dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, Bank boleh menukarkan baki kredit dalam akaun tersebut kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran serta-merta pada hari itu. Penjamin bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh Penjamin disebabkan pelaksanaan hak Bank termasuk (tanpa had) apa-apa kerugian keuntungan, kecuali setakat kerugian tersebut dapat dianggap berpunca sepenuhnya daripada kecuaian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

(i) Hutang Subordinat

sebarang amaun yang kena dibayar dan terhutang oleh Pelanggan kepada Penjamin pada masa ini atau masa hadapan (“**Hutang Pelanggan**”) adalah berperingkat subordinat berbanding dengan Keberhutangan Pelanggan. Jika Bank menghendaki sebegitu, Hutang Pelanggan akan dipungut, dikuatkuasakan dan diterima oleh Penjamin sebagai amanah untuk Bank dan dibayar kepada Bank berdasarkan Keberhutangan Pelanggan tanpa mengurangkan atau menjelaskan liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

(j) Pelepasan/Kompromi dengan Pelanggan

bahawa liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan dilepaskan, dikurangkan atau terjejas oleh sebarang pelepasan atau kompromi dengan Pelanggan sama ada Penjamin mendapat apa-apa notis pelepasan, kompromi atau persetujuan sedemikian atau tidak, dan sama ada Bank telah mengekalkan haknya terhadap Pelanggan atau tidak.

(k) Perubahan pada Penjamin

liabiliti dan/atau obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini akan terus sah dan mengikat walaupun apa-apa perubahan yang mungkin dibuat berkenaan dengan Penjamin atau oleh kebankrapan Penjamin (secara sukarela atau sebaliknya). Penjamin bersetuju secara nyata bahawa tiada perubahan walau apa pun jenisnya yang melibatkan Penjamin akan menjelaskan cagaran, liabiliti dan/atau obligasi yang

diwujudkan di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini berkaitan dengan sebarang transaksi, sama ada pada masa lalu, masa ini atau masa hadapan.

(I) **Penjamin Bukan Pemastautin**

jika Penjamin bukan pemastautin, liabiliti Penjamin di bawah Jaminan ini adalah bagi pembayaran amaun yang terhutang dalam Ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun, jika menurut mana-mana kaedah atau peraturan pentadbiran pertukaran asing:

- (i) Jaminan ini disifatkan sebagai diberikan oleh Penjamin dalam denominasi mata wang seperti yang dinyatakan dalam item 7 Jadual di bawah dan yang sama nilainya dengan wang yang dimaksudkan untuk dijamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
- (ii) pembayaran oleh Penjamin tidak dapat dibuat dalam Ringgit Malaysia, maka pembayaran di bawah Jaminan ini akan dibuat oleh Penjamin dalam denominasi mata wang sebagaimana yang dinyatakan dalam item 7 Jadual di bawah, yang hendaklah mempunyai nilai yang sama dengan wang yang dimaksudkan untuk dijamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini; dan
- (iii) sebarang kelulusan yang diperlukan hendaklah dimohon dan diperoleh oleh Penjamin bukan pemastautin itu.

4 TANGGUNG RUGI

Penjamin seterusnya menjamin, bersetuju, mengesahkan, mengaku janji dan berwaad dengan Bank, tanpa menjaskanskan mana-mana obligasi Penjamin terhadap Bank, untuk menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi terhadap semua kerugian, tindakan, prosiding, tuntutan, kos, ganti rugi dan/atau perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank oleh sebab sebarang kemungkiran mana-mana terma, syarat, waad dan/atau ketentuan yang terkandung dalam Dokumen Transaksi, Perjanjian Kemudahan Murabahah atau Jaminan dan Tanggung Rugi ini oleh Penjamin dan/atau Pelanggan.

5 NOTIS TUNTUTAN

5.1 Penyampaian Tuntutan

- (a) Notis, tuntutan dan komunikasi lain kepada Bank akan dihantar ke alamatnya yang dinyatakan dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, atau seperti yang dimaklumkan oleh Bank kepada Penjamin. Sebarang notis yang perlu diberikan kepada Bank (i) mestilah secara bertulis; (ii) ditandatangani oleh Penjamin; dan (iii) hanya akan berkuat kuasa apabila diterima dan dibuktikan dengan suatu pengakuan oleh Bank, atau jika berkenaan, diberikan melalui saluran yang dibenarkan oleh Bank.
- (b) Notis, tuntutan dan komunikasi lain akan dihantar kepada Penjamin melalui mana-mana kaedah berikut dan akan disifatkan sebagai telah disampaikan kepada Penjamin dengan sewajarnya:
 - (i) jika dihantar sendiri, pada masa penghantaran atau pengiriman; atau

- (ii) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (7) selepas penghantaran; atau
 - (iii) jika dihantar melalui kurier, dengan segera apabila Penjamin memperakui nota konsainan kurier; atau
 - (iv) jika dihantar dengan apa-apa bentuk komunikasi serta-merta (termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel, perkhidmatan pesanan ringkas (sms) dan rakaman suara), dengan serta-merta; atau
 - (v) jika melalui penerbitan pada laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank, pada hari penerbitan.
- (c) Penjamin bertanggungjawab untuk memastikan bahawa apa-apa notis yang dihantar melalui mana-mana kaedah yang dinyatakan di atas tidak dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk apa-apa kesipuan yang berhasil atau untuk sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa cara sekalipun yang timbul, akibat tindakan pihak ketiga yang membaca atau mengakses notis tersebut.
- (d) Sebarang notis yang diberikan oleh Bank, termasuk apa-apa notis tuntutan untuk wang yang dipinjamkan atau didahului oleh Bank kepada Penjamin boleh ditandatangani bagi pihak Bank oleh seorang pengarah, pengurus besar, pengurus, penolong pengurus, pegawai atau oleh mana-mana peguam cara daripada firma peguam yang bertindak bagi pihak Bank. Jika notis itu dijana komputer, ia tidak perlu ditandatangani.
- (e) Penjamin mestilah memberikan notis yang sebenar kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam alamat supaya perubahan alamat itu berkuat kuasa dan mengikat Bank. Jika terdapat sebarang perubahan kepada (i) nombor telefon; (ii) alamat e-mel; dan/atau (iii) butiran lain yang direkodkan dengan Bank berkenaan dengan Penjamin (secara kolektif "**Butiran Peribadi**"), Penjamin mesti memaklumkannya kepada Bank dengan segera untuk memastikan bahawa semua surat-menjurat dan/atau komunikasi sampai kepada Penjamin tepat pada masanya.
- (f) Penjamin bersetuju bahawa apabila sebarang tuntutan pembayaran dibuat, Penjamin akan membayar jumlah yang dituntut dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis tuntutan itu. Jika Penjamin gagal membuat pembayaran dalam tempoh tersebut, Bank berhak untuk menguatkusakan semua hak dan remedи undang-undangnya dan boleh mengambil semua tindakan sebagaimana yang difikirkannya semunasabahnya patut untuk mendapatkan balik jumlah tertunggak yang kena dibayar kepada Bank.

6 EJEN PENYAMPAIAN

Penjamin secara tidak boleh ditarik balik melantik Pelanggan sebagai ejen Penjamin bagi penyampaian apa-apa tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses undang-undang lain, dan memberi kuasa kepada Pelanggan untuk menerima penyampaian tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses undang-undang lain tersebut bagi pihak Penjamin. Penjamin akan disifatkan sebagai telah diberitahu tentang proses undang-undang itu apabila notis tersebut diakui sebagai diterima oleh Pelanggan. Sebarang kegagalan Pelanggan untuk memberikan notis tersebut kepada mana-mana Penjamin, tidak akan menjelaskan atau mengurangkan kesahan apa-apa prosiding dan/atau penghakiman atau perintah yang berasaskannya, dengan syarat bahawa tiada apa yang terkandung dalam klausa ini akan disifatkan sebagai mengehadkan hak Bank

untuk menyampaikan proses undang-undang tersebut dengan kaedah lain yang dibenarkan di sisi undang-undang.

7 REPRESENTASI DAN WARANTI

Penjamin memberikan representasi dan waranti kepada Bank bahawa:

- (a) Penjamin berfikiran waras, mempunyai kuasa dan keupayaan penuh untuk melaksanakan, menyampaikan dan menjalankan semua obligasi masing-masing di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
- (b) obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini merupakan obligasi Penjamin yang sah, sahih dan mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap Penjamin mengikut terma Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
- (c) obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini merupakan obligasi Penjamin yang langsung, tidak bersyarat, tidak subordinat, tidak boleh ditarik balik dan am dan akan berperingkat pari passu (iaitu mempunyai kedudukan yang sama) dengan semua liabiliti tanpa cagaran lain Penjamin yang langsung atau kontingen;
- (d) penandatanganan dan penyampaian Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan pelaksanaan obligasi Penjamin dan/atau penggunaan hak-haknya di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan:-
 - (i) melanggar atau merupakan keingkaran di bawah mana-mana peruntukan yang terkandung dalam sebarang perjanjian, instrumen, undang-undang, penghakiman, perintah, lesen, permit atau kebenaran yang menjelaskan atau mengikat Penjamin, asetnya atau hasilnya;
 - (ii) menyebabkan apa-apa batasan terhadap Penjamin, dan jika Penjamin merupakan suatu perbadanan, kuasa-kuasa pengaruhnya, sama ada yang dikenakan oleh atau terkandung dalam sebarang dokumen atau mana-mana undang-undang, perintah, penghakiman, perjanjian, instrumen atau selainnya, dilebihi; atau
 - (iii) mengakibatkan, atau mewajibkan Penjamin untuk mewujudkan sebarang gadaian ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian asetnya atau hasilnya, pada masa ini atau masa hadapan;
- (e) Penjamin tidak melanggar atau menyalahi sebarang undang-undang atau peraturan, perintah, francais, konsesi, lesen, permit, kuasa, perjanjian, aku janji, instrumen, perkiraan, obligasi atau kewajipan yang terpakai kepada Penjamin atau mana-mana aset atau hasil mereka, yang mungkin menjelaskan secara material dan bermudarat:
 - (i) aset, liabiliti, atau keadaan (kewangan atau sebaliknya) Penjamin; atau
 - (ii) keupayaan Penjamin untuk melaksanakan obligasi mereka di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

Tiada peristiwa ingkar atau peristiwa ingkar prospektif telah berlaku yang merupakan suatu keingkaran di bawah sebarang perjanjian, aku janji atau instrumen lain; dan tiada peristiwa atau peninggalan telah berlaku yang memberikan hak, atau yang dengan pemberian notis, loput masa dan/atau pemenuhan apa-apa syarat

lain boleh memberikan hak, kepada mana-mana pembiutang Penjamin untuk mengisyiharkan bahawa apa-apa hutang Penjamin kepada pembiutang telah genap masa dan perlu dibayar sebelum kematangannya yang ditetapkan, dan/atau untuk membatalkan atau menamatkan sebarang kemudahan kredit, atau untuk menolak bagi membuat pinjaman pendahuluan di bawah kemudahan tersebut;

- (f) bahawa dengan Penjamin melaksanakan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, pelaksanaan tersebut tidak akan menjadi suatu peristiwa ingkar atau peristiwa ingkar prospektif di bawah mana-mana perjanjiannya dengan pihak ketiga, atau tiada pelanggaran sebarang undang-undang, peraturan atau perintah yang mengikat Penjamin;
- (g)
 - (i) tiada prosiding undang-undang, atau prosiding kebankrapan atau insolvensi yang terancam atau belum selesai terhadap Penjamin;
 - (ii) Penjamin bukanlah bankrap yang belum dilepaskan, telah digulung atau tidak solven;
 - (iii) Penjamin tidak melanggar mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman;
 - (iv) tiada perkiraan sukarela telah dibuat atau dicadangkan untuk dibuat oleh Penjamin dengan pembiutangnya;
 - (v) tiada penerima dan/atau pengurus telah dilantik untuk mengambil alih aset dan/atau perniagaan Penjamin;
 - (vi) tiada permohonan telah dibuat atau belum selesai oleh mana-mana orang untuk suatu perintah supaya (I) Penjamin diletakkan di bawah pengurusan kehakiman dan (II) seorang pengurus kehakiman dilantik; atau
 - (vii) tiada bentuk perkiraan atau persetujuan penyelesaian (secara sukarela atau sebaliknya) yang dibuat atau dicadangkan untuk dibuat oleh Penjamin dengan pembiutangnya;
- (h) tiada litigasi, timbang tara, prosiding pentadbiran atau tuntutan yang mungkin (i) memberikan kesan yang material dan bermudarat terhadap perniagaan, aset atau keadaan Penjamin, atau (ii) menjelaskan secara material dan bermudarat liabiliti Penjamin untuk mematuhi atau melaksanakan obligasinya di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, sedang berjalan atau belum selesai pada masa ini atau, sepanjang pengetahuan, maklumat dan kepercayaan Penjamin (selepas siasatan yang patut dan wajar), terancam terhadap Penjamin atau mana-mana aset Penjamin;
- (i) bahawa semua butiran, akuan dan kenyataan yang diberikan dan dibuat oleh Penjamin kepada Bank adalah benar, tepat dan lengkap, dan tidak meninggalkan apa-apa fakta material; dan
- (j) semua wang yang akan dibayar oleh Penjamin kepada Bank adalah daripada sumber yang sah, dan sumber setiap bayaran tidak melanggar Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau undang-undang serupa yang terpakai dalam bidang kuasa dari mana wang itu berasal, atau mana-mana undang-undang cukai yang kepadanya Penjamin tertakluk.

- (k) setiap representasi dan waranti di atas akan merupakan representasi dan waranti yang berterusan (dengan merujuk kepada fakta dan keadaan yang wujud pada masa itu) sepanjang kesahan Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

8 PELEPASAN HANYA MELALUI PELAKSANAAN

Penjamin bersetuju bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak akan dipenuhi dan dilepaskan kecuali apabila Penjamin membayar semua (i) Keberhutangan, dan (ii) juga wang yang kena dibayar dan terhutang oleh Penjamin pada masa ini atau masa hadapan (sama ada sepenuhnya atau bersesama dengan mana-mana orang, firma atau syarikat lain, dan sama ada sebagai prinsipal atau penjamin) atau yang baginya Penjamin mungkin bertanggungan terhadap Bank dengan apa jua cara. Obligasi tersebut tidak akan tertakluk pada Bank memberikan apa-apa notis atau tuntutan kepada Penjamin terlebih dahulu berkenaan dengan sebarang keingkaran oleh Pelanggan.

9 PENGUNTUKAN BAYARAN

Apa-apa wang yang diterima daripada Penjamin boleh diletakkan dan disimpan dalam akaun tergantung untuk memudahkan pelepasan mana-mana obligasi yang perlu dilaksanakan oleh Pelanggan dan/atau Penjamin berkaitan dengan Kemudahan. Jika terdapatnya kurangan dalam hasil daripada tindakan perampasan/mendapatkan balik dan berlakunya prosiding dalam atau yang setanding dengan kebankrapan, penyelesaian, persetujuan penyelesaian atau perkiraan, Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau persetujuan penyelesaian berkenaan dengan kurangan tersebut.

10 PENEPIAN, HAK KUMULATIF

Tiada kegagalan, kelewatan atau peninggalan pihak Bank untuk menjalankan sebarang hak atau kuasa di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini apabila berlakunya apa-apa keingkaran oleh pihak Penjamin akan (i) mengurangkan mana-mana hak atau kuasa tersebut, atau (ii) ditafsirkan sebagai suatu penepian atau sebarang persetujuan dengan keingkaran tersebut. Selanjutnya, apa-apa tindakan atau apa-apa persetujuan oleh Bank berkenaan dengan sebarang keingkaran tidak akan menjelaskan atau mengurangkan mana-mana hak atau kuasa Bank berkenaan dengan apa-apa keingkaran yang lain atau kemudian.

Jika sebarang wang terhutang dan dijamin oleh Jaminan dan Tanggung Rugi ini, wang itu akan disifatkan sebagai terhutang dan dijamin sedemikian tanpa menghiraukan apa-apa:

- (i) pembatasan atau ketakupayaan Pelanggan atau mana-mana Penjamin di sisi undang-undang; atau
- (ii) kesalahan di sisi undang-undang, luar aturan, ketidakbolehan penguatkuasaan, ketaksahan atau kecacatan dalam peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini atau Dokumen Cagarai lain; dan/atau
- (iii) pembelaan antara Pelanggan dan Bank dan/atau Penjamin dan Bank berkaitan dengan pembiayaan itu.

11 PEMBAYARAN TANPA POTONGAN UNTUK CUKAI

Semua bayaran yang dibuat oleh Penjamin mestilah tanpa tolak selesai, tuntutan balas, potongan atau penahanan. Jika terdapat apa-apa potongan atau penahanan, Penjamin hendaklah membayar kepada Bank suatu amaun tambahan dengan segera supaya amaun bersih yang diterima oleh Bank akan sama dengan amaun penuh yang sepatutnya diterima oleh Bank tanpa potongan atau penahanan itu.

12 HAK BANK UNTUK MENYERAHHAKKAN ATAU MEMINDAHKAN

Penjamin bersetuju untuk tidak menyerahhakkan atau memindahkan sebarang hak, manfaat dan/atau obligasinya di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini kepada mana-mana orang tanpa persetujuan bertulis daripada Bank terlebih dahulu. Bank boleh, dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada Penjamin, menyerahhakkan hak, manfaat dan/atau obligasinya di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dengan syarat penyerahhakan atau pemindahan tersebut tidak menjelaskan hak Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini secara material dan bermudarat.

13 PENDEDAHAN

- (a) Penjamin dengan nyata bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Kemudahan dan urusan atau akaun Penjamin kepada:
- (i) ejen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penilai, penasihat undang-undang, penasihat profesional lain, mana-mana kontraktor yang dilantik untuk menjalankan pembinaan atau pengubahsuai Hartanah, mana-mana empunya atau pemaju Hartanah dan pengganti hak milik dan pemegang serah hak mereka yang berkenaan, mana-mana Pihak Pemberi Cagaran, dan kepada mana-mana pihak dilantik oleh Mahkamah, atau mana-mana pihak dalam perjanjian yang berkaitan dengan Hartanah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
 - (ii) Pelanggan dan/atau mana-mana Pihak cagaran lain yang telah memberikan cagaran kepada Bank berkaitan dengan Kemudahan;
 - (iii) biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan kepada siapa Bank dikehendaki membuat pendedahan atau yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
 - (iv) mana-mana penanggung insurans dalam panel Bank atau penanggung insurans yang boleh diterima oleh Bank yang dengannya Bank boleh memilih untuk mengambil insurans berhubung dengan Kemudahan atau hartanah;
 - (v) entiti-entiti dalam kumpuan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegangan muktamad Bank ("Syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat Kumpulan tersebut bermastautin, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia;
 - (vi) mana-mana institusi kewangan yang dengannya Penjamin telah atau bercadang untuk berurus;

untuk memudahkan perniagaan, operasi, peruntuhan terhadap kemudahan dan perkhidmatan berkaitan, prestasi kontrak dan perkhidmatan, atau disediakan oleh, Bank dan/atau Syarikat Kumpulan, dan juga kepada:

- (vii) mana-mana tribunal, mahkamah, agensi-agensi atau badan-badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, tuntutan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi yang berpotensi melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- (viii) mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang diminta dan/atau diberikan oleh Penjamin kepada Bank; dan
- (ix) mana-mana penerima pindahan atau pemegang serah hak yang berpotensi, yang dengannya Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahhakan dan novasi hak atau obligasi di bawah atau dengan merujuk kepada Jaminan dan Tanggung Rugi ini; dan
- (x) pihak ketiga seperti yang dikenal pasti secara khusus dan untuk tujuan tersebut seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

Penjamin bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik dimana pendedahan maklumat Penjamin adalah perlu untuk penyediaan kemudahan dan/atau perkhidmatan atau pelaksanaan kontrak dengan Pelanggan dan/atau Penjamin untuk mematuhi kontrak, keperluan atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

- (b) Pendedahan kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) juga mungkin untuk tujuan jualan silang Bank dan/atau Syarikat Kumpulan dengan syarat pendedahan untuk tujuan jualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh Penjamin.
- (c) Bank juga boleh berkongsi maklumat Penjamin seperti nama dan butiran maklumat hubungan (tidak termasuk maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal atau akaun Penjamin) dengan rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi jika persetujuan Penjamin telah diterima.
- (d) Walau bagaimanapun, Penjamin boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang dinyatakan di atas untuk mendedahkan maklumat oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi strategik untuk jualan silang, pemasaran dan tujuan promosi dengan menghubungi Bank di CIMB Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan, No Tel: +603 6204 7788.

14 KLAUSA PRIVASI

- 14.1 Penjamin dengan ini mengesahkan bahawa Penjamin telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati pada pautan www.cimb.com.my) dan klausula-klausula yang terkandung di sini sebagaimana yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Penjamin. Untuk mengelakkan keraguan, Penjamin bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah digabungkan ke dalam Jaminan ini melalui rujukan.
- 14.2 Sekiranya Penjamin memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris dekat dan tanggungan Penjamin (jika Penjamin merupakan seorang individu) atau maklumat yang berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan pemberi cagaran (jika Penjamin merupakan suatu perbadanan), bagi tujuan mengikat Jaminan atau Kemudahan ini, Penjamin (a) mengesahkan bahawa Penjamin telah memperoleh persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan Bank berhak menggunakan mengikut Jaminan ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya berlaku apa-apa perubahan penting kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan sekiranya persetujuan itu ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 14.3 Sekiranya Penjamin mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkaitan dengan transaksi rentas sempadan itu (termasuk maklumat yang berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tugas sah mereka (misalnya pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk memasuki mana-mana transaksi rentas sempadan bagi pihak Penjamin, Penjamin bersetuju dengan pendedahan yang tersebut di atas bagi pihak Penjamin dan mereka yang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 14.4 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa pada masa ini dan/atau pada masa hadapan menjalankan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaporan kredit/pemeriksaan rujukan dengan agensi pelaporan/rujukan kredit termasuk tetapi tidak terhad kepada CTOS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan kami memastikan status Penjamin sebagaimana yang diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran permohonan untuk kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau kemudahan lain; (b) mengurus akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio Penjamin; dan/atau (c) memungut semula hutang. Penjamin akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang digunakan oleh Penjamin, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Penjamin dan cara Penjamin melaksanakan dan mengurus obligasi Penjamin yang terkandung di sini dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkaitan, dan bagi mana-mana agensi pelaporan kredit/rujukan untuk mendedahkan maklumat kredit Penjamin kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan fraud dan pencegahan fraud.
- 14.5 Walaupun selepas Penjamin telah memberikan sebarang maklumat kepada Bank, Penjamin akan mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelumnya, kecuali di mana pendedahan maklumat

Pelanggan adalah perlu untuk penyediaan Kemudahan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pelanggan untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

- 14.6 Bank berhak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara tunggalnya dan hendaklah memberikan notis bertulis kepada Penjamin tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, dan meletakkan sebarang pindaan tersebut pada laman web Bank dan/atau dengan meletakkan notis di dewan perbankan atau di lokasi utama di dalam cawangan Bank.
- 14.7 Bagi tujuan klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat yang berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016, dan syarikat-syarikat kawalan bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan lain-lain perkhidmatan yang dikawal selia, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 14.8 Klausa ini tidak menjelaskan apa-apa klausa lain dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini yang memerlukan pendedahan maklumat.

15 KOS DAN PERBELANJAAN

Penjamin akan bertanggungjawab untuk membayar semua kos dan perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan, pelaksanaan dan penyempurnaan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, termasuk fi peguam cara Bank (atas dasar peguam cara dan klien).

16 KEBERASINGAN

Apa-apa peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini yang adalah atau menjadi salah di sisi undang-undang, tidak sah, boleh batal atau tidak boleh dikuatkuasakan dari apa-apa segi di bawah mana-mana undang-undang sebarang bidang kuasa, tidak akan menjelaskan keundangan, kesahan dan kebolehan penguatkuasaan peruntukan lain, atau peruntukan tersebut dalam mana-mana bidang kuasa lain.

17 MASA

Masa, di mana sahaja yang disebutkan di sini, merupakan inti pati Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

18 SALINAN

Jaminan dan Tanggung Rugi ini boleh dilaksanakan dalam mana-mana bilangan salinan, dan ianya mempunyai kesan yang sama seolah-olah tandatangan pada salinan dibuat pada satu salinan tunggal.

19 UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

Jaminan dan Tanggung Rugi ini dikawal dan ditafsirkan mengikut Undang-undang Malaysia. Pihak-pihak kepada Jaminan dan Tanggung Rugi ini bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia dalam semua perkara yang berkaitan dengan atau yang timbul di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

20 PENGANTI AKAN TERIKAT

Jaminan dan Tanggung Rugi ini akan mengikat (i) pewaris, wakil diri dan/atau pengganti hak milik Penjamin dan Pelanggan, dan (ii) pengganti hak milik dan pemegang serah hak Bank.

21 KESALAHAN DI SISI UNDANG-UNDANG

Apa-apa peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini yang adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuaskan hanya akan berkesan setakat yang perlu dan tidak akan menjelaskan atau mengurangkan kesahan, keundangan dan/atau kebolehan penguatkuasaan peruntukan lain Jaminan dan Tanggung Rugi ini. Penjamin bersetuju, apabila diminta oleh Bank, dengan penggantian manapun peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuaskan tersebut (dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank) dengan peruntukan yang sah yang mempunyai kesan yang sama setakat mungkin, dan kos jaminan dan tanggung rugi selanjutnya tersebut, (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi guaman), akan ditanggung oleh Penjamin.

22 SETEM

Adalah dipersetujui dengan nyata bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan Dokumen Transaksi yang lain adalah instrumen dalam satu urus niaga untuk mendapatkan pembayaran balik Kemudahan dan Keberhutangan, dan bagi maksud Seksyen 4(3) Akta Setem 1949, Perjanjian Kemudahan Murabahah adalah instrumen utama dan Jaminan dan Tanggung Rugi ini adalah instrumen sekunder.

[BAKI MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Pelaksanaan

DENGAN BERSAKSI pihak-pihak telah masing-masing menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun yang pertamanya tertulis di atas.

Ditandatangani oleh

(No. K/P •)
di hadapan:

Ditandatangani oleh

(No. K/P •)
di hadapan:

Saksi

Nama:
No. K/P:

Saksi

Nama:
No. K/P:

Ditandatangani oleh

Sebagai Wakil untuk dan bagi pihak **CIMB ISLAMIC BANK BERHAD** (200401032872 (671380-H)] di hadapan:

Saksi

Nama:
No. K/P:

Penandatangan

Nama:
Jawatan:
No. K/P:

JADUAL

(yang hendaklah dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian penting Jaminan dan Tanggung Rugi ini)

Item	Perihalan	Butiran
1.	Tarikh Jaminan dan Tanggung Rugi ini	
2.	Nama, perihalan dan alamat Penjamin	
3.	Alamat Cawangan Bank	
4.	Perihalan Kemudahan dan amaun maksimum yang diberikan	
5.	Nama, perihalan dan alamat Pelanggan	
6.	Tarikh Perjanjian Kemudahan Murabahah dan/atau Tarikh Surat Tawaran	
7.	Denominasi Mata Wang	[•] (“Denominasi Mata Wang”)